


BAHAYA KENCING TIKUS



KLINIK PELAJAR UTEM

- 
- Penyakit kencing tikus atau leptospirosis adalah penyakit yang jarang berlaku tetapi boleh menyebabkan sakit yang teruk.
 - Walaupun catatan kes leptospirosis di negara ini rendah iaitu hanya beberapa kes setahun, ia sebenarnya penyakit global dan kebanyakan kes berlaku di negara beriklim sederhana dan tropika.
 - Di Amerika Syarikat, dianggarkan 100 kes leptospirosis dicatatkan setiap tahun.




- Jangkitan berlaku disebabkan oleh beberapa spesies bacteria dari keturunan **leptospira** berbentuk lingkaran



Bakteria leptospira dilihat melalui mikroskop

- 
- Banyak jenis haiwan boleh menjadi perumah bakteria ini, sama ada liar atau peliharaan dan tikus adalah perumahnya yang utama.
 - Haiwan dijangkiti ada kalanya menunjukkan tanda sakit, tetapi ada sekadar menjadi pembawa dan tidak mengalami masalah.
 - Secara umumnya bakteria *Leptospira* boleh menjangkiti lembu, babi, kuda, anjing dan haiwan liar lain seperti rakun dan serigala.

- 
- Manusia boleh mendapat jangkitan jika terambil makanan atau air tercemar dan juga apabila mengharung atau berenang dalam air yang tercemar.
 - Menyentuh pokok atau tanah lembap yang tercemar juga boleh memindahkan bakteria kepada manusia selain sentuhan langsung dengan air kencing, darah atau tisu haiwan yang dijangkiti.
 - Bakteria ini boleh memasuki badan manusia melalui luka atau tisu lembut seperti dalam mulut, hidung atau mata.
 - Bagaimanapun, bakteria ini tidak dipindahkan dari satu individu ke individu lain.



- Faktor risiko penyakit ini adalah:

- **Risiko pekerjaan** - Petani, Penternak/peladang, Pekerja rumah penyembelihan, Doktor haiwan, pemotong kayu, Pekerja sistem pembentungan, Pesawah dan Anggota tentera.
- **Aktiviti rekreasi** - berenang , berkayak dan berbasikal di laluan denai di kawasan panas.
- **Risiko di rumah** - binatang peliharaan di rumah, ruang perangkap air dan pencemaran oleh binatang yang telah dijangkiti.



- Seseorang yang dijangkiti bakteria leptospira biasanya akan mengalami gejala seperti
 - Demam yang tinggi
 - Sakit kepala
 - Sakit otot
 - Muntah
 - Merah mata
- Pesakit akan menunjukkan gejala ini dalam tempoh 2-26 hari.
- Walaubagaimanapun, terdapat juga pesakit yang tidak mengalami gejala yang disebutkan dan ini menyukarkan diagnosis.



- Penderita Leptospirosis yang lebih teruk akan mengakibatkan :
 - Kegagalan ginjal
 - Kerosakan hati yang menyebabkan penyakit kuning (jaundice)
 - Pendarahan kulit
 - Serta boleh mengakibatkan jangkitan selaput otak (meningitis).
- **Kematian** akan berlaku sekiranya pesakit lewat menerima rawatan.

PENCEGAHAN



- Elak mengharung air atau berenang dalam air sungai atau kolam yang dikhuatiri tercemar, terutama jika anda ada luka.
- Elak mengunjungi tempat yang dikatakan ada jangkitan buat sementara waktu sehingga ia disahkan selamat.
- Jika berenang dalam kolam atau tasik, pastikan air tidak masuk ke dalam mulut.



- Pastikan air yang diminum dimasak sehingga mendidih terlebih dulu.
- Pastikan kawasan persekitaran anda sentiasa bersih untuk mencegah kedatangan tikus.
- Gunakan sarung tangan apabila membuang bangkai haiwan dan membersihkan najis haiwan peliharaan. Bimbang jika haiwan berkenaan juga dijangkiti bakteria leptospira.
- Sentiasa bersihkan kawasan sekeliling rumah supaya tiada air bertakung.